


Situasi Sebenarnya Wanita & Kerjaya



MENURUT statistik yang dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia melalui Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Malaysia 2012, sebanyak 70 peratus daripada bilangan penduduk bekerja yang mempunyai latar belakang pendidikan tertiar iaitu yang memiliki kelulusan STPM, sijil, diploma, ijazah atau yang setaraf, bekerja dalam bidang pengurusan, profesional, juruteknik dan profesional bersekutu.

Manakala lebih 30 peratus menyertai bidang sokongan perkeranian, perkhidmatan dan jualan, kemahiran, pertukangan, pertanian, perhutanan, perikanan serta loji dan mesin.


LEBIH RAMAI WANITA PROFESIONAL

Namun daripada 70 peratus tersebut, profesion pengurusan hanya merangkumi 11.9 peratus berbanding bidang profesional yang mencatatkan angka tertinggi 36.2 peratus.

Pun begitu, daripada 11.9 peratus individu yang termasuk dalam kumpulan penggubal undang-undang, pegawai kanan dan pengurusan ini, hanya 147,700 wanita atau kira-kira 21.5 peratus sahaja yang memegang jawatan ini berbanding 538,500 lelaki.

Bagaimanapun, kebanyakan pekerja dalam kategori profesional adalah wanita seramai 686,600 mewakili 55 peratus berbanding 45 peratus lelaki iaitu seramai 559,800.

Selain kategori profesional, kebanyakan wanita berpendidikan tertiar mendominasi bahagian sokongan perkeranian seramai 843,700 orang.



Bilangan Penduduk Bekerja Mengikut Pekerjaan & Jantina 2012

Pecahan Peratusan Penduduk Bekerja yang Berpendidikan Tertiar Mengikut Pekerjaan 2012

Pekerjaan	Peratusan
Pengurus	11.9
Profesional	36.2
Juruteknik & profesional bersekutu	21.9
Jumlah	70
Pekerja sokongan perkeranian	12.5
Pekerja perkhidmatan & jualan	8.8
Pekerja mahir pertanian, perhutanan & perikanan	1.5
Pekerja kemahiran & pertukangan	3.3
Operator loji & mesin	2.2
Pekerjaan asas	1.6
Jumlah	30

Bilangan Ahli Profesional Berdaftar Mengikut Jantina 2011

Profesion	Lelaki	Perempuan
Akauntan	13,989	13,167
Arkitek Profesional	1,486	289
Arkitek	1,017	523
Jurutera Profesional	14,257	622
Jurutera Siswazah	45,835	10,804
Doktor Gigi	1,444	2,440
Doktor Perubatan	13,258	11,110
Peguam	7,018	6,487

Statistik ini serba sedikit memberi tunjuk sebab, mengapa wanita walaupun mempunyai latar belakang pendidikan tinggi, masih kurang berada dalam kelompok pembuat keputusan.


Individu yang berada pada peringkat pengurusan, tidak semestinya menerima lantikan atas faktor mempunyai pendidikan tinggi. Ia boleh disebabkan oleh pengalaman atau faktor perniagaan milikan sendiri.

Status Pekerjaan Mengikut Jantina 2012

Status Pekerjaan	Lelaki	Perempuan
Majikan	406,600	71,300
Pekerja	5,961,500	3,565,400
Bekerja sendiri	1,516,700	598,500
Pekerja keluarga tanpa gaji	208,700	394,500

Bilangan Penduduk Luar Tenaga Buruh Mengikut Sebab Tidak Bekerja 2010

Sebab tidak bekerja	Lelaki	Perempuan
Kerja rumah	40,100	3,263,000
Hilang upaya	91,200	41,300
Tidak berminat	29,000	13,300
Sudah bersara	351,900	63,100



Taburan Peratus Guna Tenaga Wanita Mengikut Pekerjaan 2012

- Penggubal undang-undang pegawai kanan & pengurus
- Professional Juruteknik & profesional bersekutu
- Pekerja sokongan perkeranian
- Pekerja perkhidmatan & jualan
- Pekerja mahir pertanian, perhutanan & perikanan
- Pekerja kemahiran & pertukangan
- Operator loji & mesin
- Pekerjaan asas



Selain itu, ada di antara wanita yang mempunyai pendidikan tinggi juga mengambil keputusan menjadi suri rumah selepas berkahwin dan mempunyai anak. Sebab ini dilihat sebagai salah satu faktor menyebabkan pasaran kerja 'kehilangan' wanita bergelar graduan yang berkebolehan memimpin.

Bagaimanapun, adakah alasan ini boleh digunapakai sehingga menyebabkan pelantikan pembuat keputusan di kalangan wanita punya jurang 57 peratus dengan dominasi lelaki sebanyak 78.5 peratus?

Menyedari potensi sumbangan besar yang boleh diberikan oleh wanita kepada negara, kerajaan kemudian memperkenalkan Dasar 30 peratus Wanita Pembuat Keputusan pada 2011.

Ketika dasar ini diperkenalkan, bilangan wanita yang menjadi teraju syarikat khususnya ahli lembaga pengarah sangat rendah.

Pada 2010, hanya 7.6 peratus wanita dilantik menjadi ahli lembaga pengarah daripada 200 syarikat yang tersenarai di Bursa Saham Malaysia.

Maklumat Bank Negara pula menunjukkan hanya 6.0 peratus wanita dilantik sebagai ahli lembaga pengarah di institusi kewangan, mewakili jumlah seramai 45 orang!

Bagaimana nasib wanita cerdik pandai dengan kewujudan dasar ini?